

SOALAN NO: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

TARIKH: 12 MAC 2015

SOALAN:

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengawal dan mengurangkan lambakan pekerja asing dalam industri perkapalan, perhotelan dan yang bekerja sebagai pengawal keselamatan (*security guard*).

PR-1331-L67181

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan menerusi Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah melaksanakan langkah kawalan dan pemantauan terhadap penggajian pekerja asing. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan Sistem Penjodohan Kerja (JCS) atau sekarang dikenali sebagai *JobsMalaysia* di bawah KSM. Melalui sistem ini, pihak KSM menguatkuasakan keperluan Sijil *JobsMalaysia* kepada semua majikan yang berhasrat mengambil pekerja asing supaya majikan mengutamakan pekerja tempatan dahulu;
- (ii) Mewujudkan perkongsian data dan maklumat pekerja asing antara pelbagai agensi untuk meningkatkan pemantauan ke atas majikan yang mempunyai pekerja asing;
- (iii) Meningkatkan Penyertaan Tenaga Kerja Tempatan dengan memperkenalkan program-program untuk menjayakan Dasar Pendapatan Tinggi (*High Income Policy*) bagi meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan dalam sektor utama yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi; dan

2. Selain itu, pihak Kerajaan juga menerusi Jawankuasa Kabinet Berhubung Pekerja Asing-Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) turut memutuskan perkara berikut sebagai dasar kerajaan dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing:

- a. Memperkemaskan semua prosedur dan proses pengambilan pekerja asing sedia ada;
- b. Menggalakkan industri beralih kepada industri berorientasikan modal melalui dana-dana bantuan modal kerajaan, insentif cukai dan lain-lain;
- c. Tiada kebenaran baru bagi menjalankan perniagaan membekalkan dan mengurus Pekerja Asing (*out-sourcing*) akan dikeluarkan dan kajian lanjut akan dijalankan bagi memastikan matlamat pelaksanaan sistem ini benar-benar mencapai objektif digariskan;
- d. Pekerja asing tidak dibenarkan bekerja di barisan hadapan (*frontliner*); dan
- e. Menggalakkan lebih banyak perkhidmatan layan diri di sektor-sektor perkhidmatan diperkenalkan seperti restoran, stesen minyak, pasar mini dan lain-lain.